

Jawatankuasa Fatwa temui PM isu Melayu

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam, semalam menyampaikan pandangannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung cadangan supaya pemimpin UMNO dan PAS berbincang untuk menjalin kerjasama bagi menyatupadukan orang Melayu dan umat Islam di negara ini.

Dalam pertemuan dengan ahli jawatankuasa itu, mereka menyatakan kejujuran, kesabaran dan berbaik sangka adalah sikap yang perlu ada pada setiap umat Islam sebelum sebarang perbincangan atau pertemuan diadakan atas nama perpaduan.

Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata dengan mengetepikan perbezaan, sama ada parti politik

dan ideologi, matlamat yang sama perlu ditetapkan bagi merealisasikan perpaduan sesama umat Islam.

“Lupakan hal parti dan perlu ada sikap yakin serta percaya antara satu sama lain. Malah, sebelum perbincangan diadakan pun tidak seharusnya ada sikap atau perasaan tidak elok terhadap pihak lain, termasuk sendiri menyindir atau kata mengata. Semua pandangan yang disampaikan ahli jawatankuasa mendapat maklum balas positif Perdana Menteri,” katanya ketika diminta hasil pertemuan jawatankuasa itu dengan Najib di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Selain Abdul Shukor, pertemuan sejam itu dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria



NAJIB ketika majlis pertemuan dengan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Jamil Khir Baharom dan Harussani (kanan).

dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz.

Sebelum ini, Harussani mengesahkan ada menemui pemimpin UMNO dan PAS bagi membincangkan kerjasama kedua-dua parti berhubung perpaduan Melayu dan umat Islam.

Abdul Shukor berkata, sikap dan perlakuan positif adalah asas penting ke arah usaha menegakkan perpaduan di kalangan umat Islam negara masa kini.

“Sudah sampai masanya umat Islam bersatu untuk kepentingan Islam dan untuk itu sikap baik perlu jika mahu mengadakan perbincangan

demikian demi perpaduan, sama ada UMNO, PAS atau mana-mana pihak sekali pun,” katanya.

Katanya, jika media digunakan untuk menunjukkan kelebihan masing-masing, ia akan lebih menyukarkan usaha menegakkan kepentingan Islam dan umat Islam di negara ini.